



SIRI 3

PANDUAN identiti KORPORAT

| untuk percetakan, video, multimedia, penerbitan dan pengiklanan

Kandungan



UmiMAP

| | |
|----|--------------------------------------|
| 2 | Pengenalan |
| 3 | Logo Rasmi |
| 4 | Logo |
| 6 | Logotaip |
| 8 | Fonttaip |
| 9 | Warna Korporat |
| 10 | Logo dan Logotaip |
| 14 | Logo, Logotaip dan Fontaip |
| 16 | Kad Nama |
| 17 | Kepala Surat - Rasmi |
| 18 | Kepala Surat - Naib Canselor |
| 19 | Sampul Surat |
| 20 | Sijil Terbuka |
| 21 | Contoh Penggunaan Logo |
| 24 | Panduan Kulit Buku Akademik & Ilmiah |
| 26 | Uniform |
| 27 | Pakaian Aktiviti dan Riadah |
| 36 | Bendera Rasmi |
| 37 | Lagu Rasmi "WAWASANKU" |
| 40 | Logo ISO |

Pengenalan

Kenapa perlunya garis panduan ini?

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) merupakan IPTA yang ke 17 di negara ini, sehubungan dengan penjenamaan semula, suatu imej atau keterampilan diri sebagai IPTA amat perlu bagi membuktikan kepada seluruh masyarakat dalam dan luar bahawa UniMAP adalah setaraf dengan mana-mana IPTA dalam Malaysia. Imej memainkan peranan yang amat penting untuk individu, bangsa, agama, pertubuhan, masyarakat dan negara. Maka UniMAP tidak ketinggalan untuk menjaga dan mempertingkatkan imejnya dengan cara yang tersendiri. Salah satu cara dengan mencipta identiti korporat agar ianya menjadi satu simbol pengenalan kepada semua.

Identiti korporat amat perlu kepada UniMAP untuk kegunaan/aplikasi dalam pelbagai bentuk aktiviti termasuk promosi, penyiaran, publisiti, percetakan dan penerbitan. UniMAP memerlukan penyebaran maklumat yang meluas tentang kewujudannya di utara tanah air.

Penjenamaan semula (rebranding) UniMAP merupakan satu detik yang akan membanggakan semua warganya dan memberi impak kepada bakal pelanggan dari dalam atau luar negara. Sehubungan itu, garis panduan ini harus digunapakai oleh semua yang terlibat dalam sebarang urusan atau kerja-kerja yang berkaitan dengan penggunaan logo UniMAP agar imejnya sentiasa terpelihara.

Siapa yang memerlukan garis panduan ini?

Demi mempertingkatkan imej, satu keseragaman dalam identiti korporat perlu diselaraskan. Oleh itu semua warga UniMAP perlu mengetahui tentang garis panduan ini untuk sama-sama menjaga imej dan ketrampilan UniMAP di mata umum. Penggunaan panduan ini amat berguna kepada semua pegawai dalam jabatan, bahagian, unit dan pusat-pusat pengajian yang terlibat dalam urusan berkaitan dan perlu mengikuti garis panduan yang disediakan.

Panduan Identiti Korporat Siri 3 ini dikeluarkan setelah dirasakan ada beberapa perkara yang perlu dimaklumi oleh setiap warga UniMAP terutamanya dasar penyediaan pakaian dan juga Lagu rasmi universiti.

Garis panduan ini juga wajib kepada semua agensi luar yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan kepada UniMAP yang berkaitan dengan garis panduan ini.


Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan identiti korporat ini, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat
Tel.: 04-979 8289/8297
Email: pro@unimap.edu.my


Logo Rasmi



Logo



Logo



JUSTIFIKASI LOGO

Warna **BIRU**, **KUNING** dan **PERAK** adalah warna korporat UniMAP. Biru membawa maksud alam, harmoni, disiplin dan bidang kejuruteraan. Warna Perak mencerminkan teknologi tinggi, keberkasaan dan keikhlasan sementara warna Kuning melambangkan kecemerlangan, kedaulatan, kejayaan dan hayat kehidupan.


Bentuk separa-oval dikaitkan dengan elemen unsur sains dan teknologi, atom, orbit dan globalisasi. Empat belas bulatan kuning kecil di dalam segitiga sama melambangkan 14 buah negeri di Malaysia. Titik-titik berpadu ke pelbagai arah, khususnya ke utara, dalam posisi menyahut wawasan, mendepani pelbagai situasi dan cabaran.

Tiga lapisan perak yang bertanda arah mewakili nilai teras UniMAP iaitu **ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN**. Lapisan itu juga memaparkan aspek keseimbangan antara alam dengan kejuruteraan, kedinamikan dan ketenagaan.

NOTA

Tiga lingkaran luar yang berwarna perak digambarkan dalam kesan grafik warna hitam dan putih adalah ilustrasi bagi menampakkan struktur warna perak (silver). Untuk proses percetakan dan penerbitan, sila rujuk halaman 9 dan 10.

Logotaip



Logotaip



JUSTIFIKASI LOGOTAIP UniMAP

UniMAP [ˈjuː.nimæp] adalah singkatan bagi Universiti Malaysia Perlis. Penggunaan warna biru untuk huruf “U” dan “MAP” merupakan warna asas universiti yang membawa maksud alam, harmoni, disiplin dan bidang kejuruteraan.

Segi tiga warna perak dipenjurukan atas huruf U, M dan P membawa maksud tiga nilai teras UniMAP yang menjadi tonggak universiti iaitu ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN.

Huruf “ni” dalam bentuk artistik berwarna kuning dengan garis bentuk berwarna biru menjadi pengantara huruf “U” dan “MAP” membawa maksud Nilai Insan dan “Soft Skills”.

Pada keseluruhannya logotaip UniMAP mengekalkan bentuk yang sama dengan logotaip KUKUM bagi membuktikan universiti ini tetap berpegang kepada nilai dan falsafah asal penubuhannya dahulu.

Fonttaip

a) Fonttaip 1: Semua huruf besar

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

c) Fonttaip 2: Huruf pertama dalam huruf besar

Universiti Malaysia Perlis

c) Nama ringkas

UniMAP

JUSTIFIKASI

Fonttaip Universiti Malaysia Perlis menggunakan font “AURORA BdCn BT” untuk nama penuhnya secara rasmi. Nama penuh universiti mestilah kekal dalam susunan sebaris walau dalam apa bentuk sekalipun. Ianya telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah UniMAP.

Nama penuh Universiti Malaysia Perlis TIDAK boleh diterjemahkan dalam mana-mana bahasa sekalipun. Ianya telah termaktub dalam Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis P.U.(A) 25/2007


Nama ringkas bagi Universiti Malaysia Perlis telah ditetapkan sebagai UniMAP. Sebarang bentuk penulisan mestilah ditulis dengan (U) huruf besar, (ni) huruf kecil dan (MAP) huruf besar.

Penggunaan fonttaip 1 atau 2 adalah bergantung kepada pihak pengurusan untuk menggunakan salah satu daripadanya KECUALI jika sesuatu produk itu telah ditetapkan penggunaannya.

Warna Korporat



Warna Biru
C=100, M=80, Y=0, K=0
Pantone Reflex Blue C



Warna Kuning
C=0, M=10, Y=100, K=0
Pantone 109 C



Warna Grey/ Perak
C=0, M=0, Y=0, K=30
Special Colour = Silver

Logo dan Logotaip



Logo 1 : Cetak CMYK bagi latar putih atau cerah



Logo 2 : Cetak CMY dan warna Perak bagi latar putih atau cerah



Logo 3 : Cetak CMY dan "silver hot stamping" bagi latar putih atau cerah

Logo dan Logotaip



Logo 4 : Cetak CMYK bagi latar bukan putih



Logo 5 : Cetak CMYK dan warna perak bagi latar bukan putih



Logo 6 : Cetak CMYK dan "silver hot stamping" bagi latar bukan putih

Logo dan Logotaip



Logo 7 : Cetakakan satu warna - warna korporat



Logo 8 : Cetakakan satu warna - hitam




Logo 12 : Cetakakan satu warna - perak "silver"


Logo dan Logotaip



Logo 10 : Cetakana satu warna bagi latar bukan putih



Logo 11 : Cetakana garis bentuk "outline" satu warna atau "Silver Hot Stamping"



Logo 12 : Cetakana garis bentuk "outline" satu warna atau "Silver Hot Stamping" bagi latar bukan putih

Logo, Logotaip dan Fonttaip

a) Contoh 1: Logo, Logotaip dan Fonttaip



Susunan bagi penggunaan logo, logotaip dan fonttaip secara rasmi adalah seperti contoh 1 dan contoh 2.

b) Contoh 2: Logo, Logotaip tanpa Fonttaip



Logotaip berkedudukan dibahagian bawah logo yang sama dengan kelebaran saiz logo dan fonttaip berada di sebelah kanan logo dengan jarak yang sama dengan logotaip. Saiz bagi fonttaip adalah 50% daripada saiz logo sahaja.

c) Contoh 3: Logo dengan kesan grafik 3D



Kedudukan logo dan logotaip mestilah sentiasa berada bersama pada bila-bila masa tetapi kedudukan fonttaip dan logo boleh berada secara berasingan dengan jarak dan kedudukan yang tidak sama dengan syarat dalam kedudukan yang jauh. Rujuk halaman 11. Pengecualian ini hanya dibenarkan dalam kerja-kerja membuat signage.

Penggunaan kesan grafik 3D (Graphic effect) untuk memberi kesan pada warna perak seperti contoh 3 adalah dibenarkan dengan merujuk kepada Unit Komunikasi Korporat, UniMAP.

Logo, Logotaip dan Fonttaip

Bersama Jabatan/PPK/Pusat/Unit dan Bahagian

a) Contoh 1 : Logo, Logotaip dan Fonttaip : Latar Putih



b) Contoh 2 : Logo, Logotaip dan Fonttaip : Latar bukan Putih




Susunan bagi penggunaan logo, logotaip berserta dengan nama-nama Jabatan/ Pusat Pengajian/ Pusat dan Unit secara rasmi adalah seperti gambaran pada contoh di atas sahaja.

Susunan ini kebiasaannya pada Kepala Surat, Sampul, Fail, Buku dan sebagainya.

Nama Jabatan/ Pusat Pengajian/ Pusat dan Unit boleh diterjemahkan dalam apa-apa bahasa.

Kad Nama



Saiz : 90mm x 52mm

Jenis Kertas :

Sensation Card : 200gsm

Warna : Putih

Font : Cheltenham BdCn BT

Nama : Semua huruf besar (8pt)

Kelayakan : Depan huruf besar (6pt)

Jawatan : Depan huruf besar (7pt)

Alamat : Depan huruf besar (7pt)

Telefon : Depan huruf besar (7pt)

E-mel : semua huruf kecil (7pt)

Kepala Surat - Rasmi

Saiz : A4 (210mm x 297mm)
Jenis Kertas : Simili paper 80gsm
Warna : Putih

Logo dan logotaip:

Saiz : 27 mm
Fonttaip : AURORA BdCn BT
Saiz : 9mm
Warna : C100, M80

Nama Jabatan dan lain-lain
Font : Cheltenham BdCn BT, 12pt.
Warna : Hitam

Garis Tepi

Saiz : 10mm x 1mm
Warna : C100, M80

Alamat Tepi :

Font : Cheltenham BdCn BT, 7pt.
Font simbol: Wingdings

Nilai Teras:


Fonttaip: AURORA BdCn BT, 10pt
Warna : C100, M80

Grafik UniMAP :

Saiz : 32mm
Warna : Silver

Logo ISO :

Saiz : 50 mm x 11 mm



Kepala Surat - Naib Canselor

Saiz : A4 (210mm x 297mm)
Jenis Kertas : Conqueror Laid
100gsm
Warna : Cream

Logo dan logotaip :
Saiz : 27 mm
Fonttaip : AURORA BdCn BT
Saiz : 9mm
Warna : Silver Hot Stamping

Jawatan :
Font : Cheltenham BdCn BT, 10pt.
Warna : Silver Hot Stamping


Garisan tepi :
Saiz : 252mm x 1mm
Warna : C100, M80

Alamat tepi :
Font : Cheltenham BdCn BT, 7pt.
Font simbol: Wingdings
Warna : Silver Hot Stamping

Nilai teras :
Fonttaip: AURORA BdCn BT, 10pt
Warna : C100, M80

Grafik UniMAP :
Saiz : 20mm
Warna : Putih

Logo ISO :
Saiz : 50 mm x 11 mm



Sampul Surat



Sijil Terbuka

Saiz : A4 (210mm x 297mm)

Jenis Kertas :

Sensation card 200gsm

Warna : Putih

Logo dan logotaip:

Saiz : 31.8 mm

**Cetakan : Silver hot
stamping+CMY**

Fonttaip : AURORA BdCn BT

Saiz : 10.5mm

Warna : C100, M80

Garis tepi dan Motif

UniMAP

Tanda Mohor Merah

Saiz : 55.88mm

Warna : M100,Y100,K5

Nilai teras:

Fonttaip: AURORA BdCn BT,

10pt

Warna : C100, M80

Logo ISO :

Saiz : 75 mm x 16 mm



ELMU KEHILGASAN KEPERNEKAWAN




Penggunaan Logo (contoh 1)




Kedudukan Logo, logotaip dan fonttaip yang lengkap terletak di bahagian atas

Penggunaan Logo (contoh 2)




Kedudukan Logo dan logotaip terletak di bahagian atas dan fonttaip terletak di bahagian bawah.

Penggunaan Logo (contoh 3)











Kedudukan Logo dan logotaip saja yang terletak di bahagian atas


Kulit Buku Akademik & Ilmiah - Muka depan



Logo UniMAP diletakkan disudut kanan sebelah atas. Jarak logo dari jidar luar dan jidar kaki ialah 13mm. Logo yang digunakan hendaklah disesuaikan dengan saiz buku.

| Saiz buku | Saiz logo |
|--|--|
| 114mm x 184mm (4.5" x 7.25") |   13mm |
| 127mm x 184mm (5.0" x 7.25") 134mm x 203mm (5.25" x 8.0") 140mm x 216mm (5.5" x 8.5") 152mm x 229mm (6.0" x 9.0") 165mm x 241mm (6.5" x 9.5") 216mm x 140mm (8.5" x 5.5") |   15mm |
| 184mm x 248mm (7.25" x 9.75") 190mm x 241mm (7.5" x 9.5") 190mm x 261mm (7.5" x 10.25") 261mm x 190mm (10.25" x 7.5") |   17mm |
| 210mm x 280mm (8.25" x 11.0") |   18mm |

Kulit Buku Akademik & Ilmiah - Tulang belakang



JUSTIFIKASI

Bahan maklumat yang berikut mesti diletakkan pada tulang belakang buku

- Logo UniMAP letaknya di bahagian atas - rujuk reka letak di sebelah
- Judul buku
- Nama penulis
- Tiada logo bagi tulang belakang yang lebarnya kurang daripada 7mm
- Kedudukan logo dari garis repan atas ialah 13mm untuk semua saiz tulang belakang buku

Kedudukan logo di tulang belakang

| Tebal tulang belakang | Saiz logo |
|-----------------------|------------|
| 20mm ke atas | 13mm |
| 15mm - 20mm | 10mm |
| 13mm - 14mm | 7mm |
| 7mm - 12mm | 4mm |
| 6mm ke bawah | tiada logo |

Uniform - Jaket Korporat



SPESIFIKASI

Kedudukan logo dan logotaip pada atas dada di sebelah kiri dan nama pada sebelah kanan jaket dengan jahitan sulaman. Saiz logo dan logotaip adalah 2" lebar.



**PEKELILING PENTADBIRAN BIL.2 TAHUN 2010
PANDUAN PENYEDIAAN PAKAIAN KORPORAT
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
(PAKAIAN AKTIVITI DAN RIADAH)**

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Jawatankuasa Pengurusan Universiti melalui Mesyuarat Ke-61 pada 22 April 2009 telah meluluskan satu dasar penyediaan pakaian korporat untuk semua staf di UniMAP.
- 1.2 Dasar penyediaan pakaian ini perlu dipatuhi oleh semua pihak di Universiti ini bagi penyediaan pakaian untuk mana-mana majlis atau aktiviti.

2.0 TAKRIFAN

- 2.1 Staf bermaksud seseorang yang dilantik untuk berkhidmat dengan Universiti sama ada dilantik secara tetap, kontrak, sementara dan/atau sambilan untuk memegang jawatan dalam kumpulan Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional, dan Kumpulan Sokongan.
- 2.2 Pakaian korporat merangkumi baju-T, baju F1, track suit, topi, tudung dan tag.

3.0 PANDUAN PENYEDIAAN PAKAIAN KORPORAT

3.1 Baju-T



Bahagian Depan

Bahagian Belakang



Keterangan Baju-T:

1. Baju berasaskan warna Biru dan Kuning atau Kuning dan Biru.
2. Piping berwarna grey atau sliver di buat pada leher baju berhampiran bahagian butang serta pada bahagian sambungan warna Biru dan Kuning.
3. Logo UniMAP terletak di bahagian dada sebelah kanan.
4. Tag terletak di bahagian tengah serta rapat pada kolar di bahagian belakang.
5. Alamat laman web universiti terletak di bahagian atas bahu dengan jarak 0.5 inci daripada jahitan atas bahu dan dibaca pada sebelah belakang.
6. Sebarang penanda lain pada baju hendaklah pada bahagian atas dada di sebelah kiri hadapan baju.
7. Rekaan (design) Baju-T ini adalah sebagaimana gambar dan tidak boleh diubahsuai oleh mana-mana pihak.

3.2 Track Suit



Keterangan Track Suit:

1. Baju berasaskan warna Biru dan Kuning atau Kuning dan Biru.
2. Piping berwarna grey dan silver di buat pada leher baju berhampiran bahagian butang serta antara warna Biru dan Kuning.
3. Logo UniMAP terletak di bahagian dada sebelah kanan.
4. Tag terletak di bahagian tengah serta rapat pada kolar di bahagian belakang.
5. Alamat laman web universiti terletak di bahagian atas bahu dengan jarak 0.5 inci daripada jahitan atas bahu dan dibaca pada sebelah belakang.
6. Sebarang penanda lain pada baju hendaklah pada bahagian atas dada di sebelah kiri hadapan baju.
7. Logotaip UniMAP terletak pada bahagian paha di sebelah kiri dan kanan seluar.

3.3 Baju F1



Keterangan Baju F1:

1. Baju berasaskan warna Biru dan Kuning atau Kuning dan Biru.
2. Piping berwarna grey dan sliver di buat pada leher baju berhampiran bahagian butang serta antara warna Biru dan Kuning.
3. Logo UniMAP terletak di bahagian dada sebelah kanan.
4. Tag terletak di bahagian tengah serta rapat pada kolar di bahagian belakang.
5. Alamat laman web universiti terletak di bahagian atas bahu dengan jarak 0.5 inci daripada jahitan atas bahu dan dibaca pada sebelah belakang.
6. Sebarang penanda lain pada baju hendaklah pada bahagian atas dada di sebelah kiri hadapan baju.
7. Bagi baju lelaki berlengan pendek dan wanita berlengan tiga suku

3.4 Topi dan Tudung



Keterangan Topi & Tudung:

1. Cap berasaskan warna Biru dan Kuning atau Kuning dan Biru.
2. Piping berwarna grey atau Silver pada bahagian warna Kuning dan Biru
3. Logo UniMAP terletak di bahagian tengah hadapan topi.
4. Laman web universiti terletak di bahagian tepi pada visor topi.
5. Tag terletak di bahagian tengah pada bahagian belakang topi.
6. Tudung berwarna biru dan tiada sebarang penanda khas.

3.5 Tag



Keterangan Tag:

1. Tag ini bertujuan sebagai penanda “trade mark” dan menyeragamkan semua pakaian aktiviti & riadah bagi Universiti Malaysia Perlis.
2. Semua pakaian aktiviti & riadah keluaran UniMAP mesti mempunyai TAG ini dan mengikut spesifikasi yang disediakan.
3. Tag ini boleh di dapati di Unit Komunikasi Korporat.

Bendera Rasmi



JUSTIFIKASI BENDERA

Rekabentuk bendera diadaptasikan dari logo UniMAP. Kesenambungan ini mengekalkan nilai teras UniMAP iaitu **ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN**. Pada tiga lapisan warna kuning yang berlatarbelakangkan warna biru UniMAP yang membawa maksud alam, harmoni, disiplin dan bidang kejuruteraan.

Kombinasi warna kuning dan biru melambangkan warna rasmi bagi negeri Perlis yang merupakan lokasi kampus UniMAP..

Lagu Rasmi “WAWASANKU”

WAWASANKU

**Universiti Malaysia Perlis
Alam kejuruteraan
Ilmu, keikhlasan,
kecemerlangan
Wawasan jiwa kita**

**Berdikari, rohaniah,
berteknologi
Pemimpin berbestari
Untuk bangsa, insan dan
umat dunia
Negara yang tercinta**

**Universiti Malaysia Perlis
Alam kejuruteraan
Ilmu, keikhlasan,
kecemerlangan
Wawasan jiwa kita**

Penasihat : Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin
Penerbit Eksekutif : Prof. Dr. Zuraidah Mohd Zain
Ciptaan : Fauzi Marzuki
Lirik : Dr. Ismail Abdullah

JUSTIFIKASI LAGU WAWASANKU

Lagu WAWASANKU adalah lagu korporat UniMAP yang digubah dengan mengambil kira identiti, wawasan dan budaya yang diamalkan di Universiti ini. Perkataan “KU” adalah singkatan kepada diri sendiri (“milikku”) dan juga “Kejuruteraan Universiti”, iaitu bidang keutamaan UniMAP.

Mesej yang terkandung dalam lagu ini ialah misi, visi dan harapan UniMAP untuk berperanan dalam membina dan membangunkan bangsa, insan, negara yang tercinta dan umat dunia melalui semangat berdikari, kerohanian dan teknologi. Peranan dan harapan ini digarap melalui pencarian dan pengembangan ilmu yang dilakukan dengan ikhlas demi mencapai kecemerlangan di dalam diri dan pemimpin bestari yang dilahirkan.


Perkataan “alam” ialah suatu konsep, pengertian dan konteks yang luas, iaitu termasuklah alam cakrawala, fizikal dan kerohanian. Alam boleh bermaksud kepelbagaian skop /ruang lingkup, bidang dan dunia kejuruteraan. Ia juga boleh dikaitkan dengan kepelbagaian konteks dan dimensi ilmu di dunia kejuruteraan. Perkataan alam juga membawa maksud dunia atau bumi dan alam semulajadi.

Perkataan “kejuruteraan” diguna dan dipertahankan kerana ia adalah ruang lingkup dan fokus atau “niche” utama bidang akademik di UniMAP.


Lagu Rasmi "WAWASANKU"



U NI VERSITI MA LAYSI A PER LIS A LAM KE JU RU TERA



AN IL MU KE IKH LA SAN KECE MER LANGAN WA WA SAN JI WA KI



TA BER DI KA RI RO HA NI AH BER TEK NO LO GI



PE MIM PIN BER BESTA RI UN TUK BANG SA INSANDAN U MATDU NI A NE GA




RA YANG TER CIN TA U NI VER SITI MA



LAYSI A PER LIS A LAM KE JU RU TERAN IL MU KE IKH LA SAN KE



CEMER LANGANWA WASAN JI WA KI TA



Lagu Rasmi “WAWASANKU”

GARIS PANDUAN LAGU RASMI UniMAP - WAWASANKU

1.0 TULISAN LAGU RASMI

- 1.1 Setiap huruf pada tajuk lagu rasmi sama ada dalam surat menyurat, aturcara majlis, bahan percetakan dan sebagainya hendaklah ditulis dengan huruf besar seperti berikut :

WAWASANKU

2.0 PENGISIAN LAGU RASMI DALAM ATUR CARA MAJLIS

- 2.1 Setiap Jabatan/Pusat Pengajian atau mana-mana Pusat Tanggungjawab (PTj) yang merancang menganjurkan aktiviti di peringkat PTj diminta terlebih dahulu mengadakan perbincangan dengan pegawai di Unit Komunikasi Korporat berkenaan atur cara majlis atau menghantar draf untuk semakan.
- 2.2 Lagu WAWASANKU mestilah dinyanyikan sekali di awal majlis mengikut kesesuaian atur cara majlis yang telah ditetapkan.

3.0 TINDAKAN SEMASA LAGU DINYANYIKAN

- 3.1 Semua kakitangan dan pelajar WAJIB menghafal senikata lagu.
- 3.2 Semasa lagu WAWASANKU dinyanyikan, semua kakitangan dan pelajar diwajibkan menghormati lagu dengan berdiri tegak sambil bersama-sama menyanyikan lagu tersebut.

4.0 CARA MENYANYIKAN LAGU

- 4.1 Lagu WAWASANKU hendaklah dinyanyikan/ dimainkan dalam bentuk versi penuh di mana lagu tersebut dinyanyikan bersama suara latar.

Logo ISO



MS 1722:PART 1:2005 (REG. No.: 0-016/09)
OSHAS 18001:2007 (REG. No.: 0-017/09)

OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH MANAGEMENT SYSTEMS



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO.: MY-AR 5225



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO.: AR5225